



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**30 NOVEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 401 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 233,233 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Tenom manakala masing-masing satu (1) kes di Kota Marudu, Ranau dan Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 598 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 222,849 orang. Manakala 1,445 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 619 orang di hospital, 800 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 24 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 72 orang merangkumi 69 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut* dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 43 (22.75%).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Setelah lima hari berturut-turut mengalami penurunan, kes baharu di Sabah kembali meningkat. Jumlah kes baharu ialah sebanyak 401 kes, 59 kes lebih tinggi daripada kelmarin.
- b. Kota Kinabalu kembali menjadi daerah dengan kes tertinggi iaitu sebanyak 53 kes. Jumlah berkurangan sedikit berbanding semalam namun agak membimbangkan kerana 30 daripada 53 kes yang direkodkan di Kota Kinabalu berpunca daripada kes-kes sporadik (Kes Bergejala).
- c. Sebanyak 18 daerah di Negeri Sabah hari ini merekodkan peningkatan kes dengan enam (6) daripadanya mencatatkan peningkatan yang agak tinggi. Lima (5) daerah mencatatkan penurunan kes namun hanya daerah Kinabatangan mencatatkan penurunan signifikan iaitu turun 70 kes berbanding semalam. Empat (4) daerah lagi iaitu Semporna, Nabawan, Kunak dan Kalabakan mengekalkan catatan sebagaimana angka semalam iaitu sifar (0) kes.
- d. Hampir 97% daripada semua kes di Sabah hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 yang hanya memerlukan rawatan dan pemantauan di rumah atau di PKRC. Empat (4) pesakit dalam Kategori 3, juga empat (4) pesakit dalam Kategori 4 dan satu (1) pesakit dalam Kategori 5. Seramai empat (4) pesakit lain masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (222) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	24.56%
2	Bergejala	150	37.41%
3	Kontak	222	55.36%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	29	7.232%
<b>JUMLAH</b>		<b>401</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (29 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 29/11/2021	Catatan Kes 30/11/2021	Perbandingan
1	Kota Marudu	8	26	+18
2	Kuala Penyu	9	23	+14
3	Tenom	7	21	+14
4	Kudat	5	19	+14
5	Beaufort	7	19	+12
6	Beluran	0	11	+11
7	Kota Belud	23	31	+8
8	Sipitang	2	9	+7
9	Tongod	1	8	+7
10	Penampang	25	31	+6
11	Putatan	8	14	+6
12	Pitas	1	7	+6
13	Tuaran	44	49	+5
14	Keningau	11	16	+5
15	Papar	20	23	+3
16	Ranau	8	10	+2
17	Tambunan	4	5	+1
18	Lahad Datu	4	5	+1
19	Semporna	0	0	Mendatar
20	Nabawan	0	0	Mendatar
21	Kunak	0	0	Mendatar
22	Kalabakan	0	0	Mendatar
23	Kinabatangan	85	15	-70
24	Kota Kinabalu	59	53	-6
25	Tawau	5	2	-3
26	Telupid	2	1	-1
27	Sandakan	4	3	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>342</b>	<b>401</b>	<b>+59</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (16 November – 29 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	13	30	0	10	53	1,143
Tuaran	0	39	9	0	1	49	722
Penampang	0	18	13	0	0	31	516
Kota Belud	0	18	13	0	0	31	544
Kota Marudu	0	16	8	0	2	26	342
Papar	0	10	9	0	4	23	389
Kuala Penyu	0	13	9	0	1	23	155
Tenom	0	15	6	0	0	21	261
Beaufort	0	6	13	0	0	19	315
Kudat	0	11	6	0	2	19	184
Keningau	0	10	6	0	0	16	236
Kinabatangan	0	15	0	0	0	15	244
Putatan	0	7	7	0	0	14	226
Beluran	0	10	0	0	1	11	109
Ranau	0	5	1	0	4	10	444
Sipitang	0	1	8	0	0	9	136
Tongod	0	6	2	0	0	8	61
Pitas	0	1	4	0	2	7	72
Lahad Datu	0	3	2	0	0	5	75
Tambunan	0	2	1	0	2	5	122
Sandakan	0	2	1	0	0	3	120
Tawau	0	1	1	0	0	2	103
Telupid	0	0	1	0	0	1	84
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	11
Kunak	0	0	0	0	0	0	14
Nabawan	0	0	0	0	0	0	22
Semporna	0	0	0	0	0	0	9
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>222</b>	<b>150</b>	<b>0</b>	<b>29</b>	<b>401</b>	<b>6,659</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,804 unit

- Hospital 1,343 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,971 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.08%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 30 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	394
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	7
<b>Jumlah</b>	<b>401</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	375
Bukan Malaysia	26
<b>Jumlah</b>	<b>401</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	76
Belum Menerima Vaksin	42
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	281
<b>Jumlah</b>	<b>401</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	28
6 to 11	42
12 to 17	27
18 to 25	52
26 to 59	205
>60	41
<b>Jumlah</b>	<b>401</b>

**C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 29 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,479 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,043 orang adalah penduduk dewasa dan 436 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 29 November 2021 adalah seramai 2,440,155 orang. Ini meliputi 2,106,022 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.35% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,390,160 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,082,618 orang atau 75.50% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,133 orang atau 76.99% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 307,542 atau 70.86% orang setakat ini.

**D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,538** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.



**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,948 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 39 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 138 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 881 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon dalam buku pendaftaran. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Kinabatangan.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 229 premis perniagaan dan 287 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di 7 Eleven, Jalan Hj. Saman dan Inanam Batu 7, Bukit Emas Inanam. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik premis membenarkan individu masuk ke premis tanpa mengimbas MySejahtera di 7 Eleven, Jalan Hj. Saman.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 361 Premis Perniagaan melibatkan 182 anggota APM. Sebanyak dua (2) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 101 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 165 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.3%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Beluran	98.6%
2	Sandakan	98.5%
3	Kunak	98.4%
4	Semporna	98.4%
5	Tawau	98.3%
6	Tuaran	98.3%
7	Papar	98.3%
8	Beaufort	98.3%
9	Kinabatangan	98.3%
10	Lahad Datu	98.2%
11	Ranau	98.2%
12	Kudat	98.2%
13	Keningau	98.2%
14	Tenom	98.2%
15	Penampang	98.2%
16	Sipitang	98.1%
17	Kota Marudu	98.1%
18	Kota Kinabalu	98.1%
19	Kota Belud	98.1%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**